

Khabar angin antara punca Dr Ling undur

BH 2 5 MAY 2000

Oleh Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perasaan 'tidak sedap' dengan pelbagai khabar angin mengenai keluarganya adalah antara sebab Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengambil keputusan untuk meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

"Masalah keluarga, pasal orang kata... dia berasa tidak sedap dia dengar orang kata macam-macam kat dia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Pembangunan Konvensyen dan Pameran Negara (NECC), di Terminal Satu Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada masalah keluarga serta soal perihadi

adalah antara alasan mengapa Dr Ling mengambil keputusan demikian.

Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut mengenai 'masalah keluarga' yang dihadapi Dr Ling.

Dr Mahathir berkata, faktor terlalu banyak khabar angin yang disebarluaskan termasuk oleh media massa, terutama memihak pelbagai desakan oleh MCA yang gagal ditunaikan, juga menjadi sebab mengapa Dr Ling mengambil keputusan itu.

"Saya raa kerana beliau menganggap bahawa mereka (MCA) ingin perubahan, jadi dia tidak mahu menjadi penghalang kepada sebarang perubahan.

"Ada begitu banyak khabar angin, kononnya dia tak minta bagi pihak MCA, kononnya ada orang nak jadi menteri tak dapat, tetapi

mereka (MCA) menafikannya... cakap-cakap di akar umhi ini sebahagiannya dihangatkan oleh akhbar," katanya.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, Dr Ling ada menyerah surat peletakan jawatannya pada sebelah pagi, tetapi beliau enggan menerima.

"Saya tidak tahu terima sebarang surat sekarang dan memberitahu beliau supaya pergi berehat dan herfikir kerana ini adalah perkara serius," katanya dan menamhah Dr Ling mula bercuti selama dua minggu berkuat kuasa serta-merta.

Di samping itu Dr Mahathir berkata, selepas mendengar pelbagai pandangan terutama pemimpin utama MCA yang datang berjumpa, beliau akan memujuk Dr Ling supaya menarik ba-

lik keputusannya untuk meletak jawatan sebagai Menteri Pengangkutan.

"Mulanya apabila dia (Dr Ling) bercakap dengan saya (minggu lalu), saya fikir MCA tidak mahu lagi beliau... saya hampir-hampir bersetuju (menerima peletakan jawatan itu).

"Tetapi sekarang MCA berkata mereka mahukan beliau, kesemua mereka... jadi oleh kerana itu saya berusaha memujuk Dr Ling untuk terus kekal. Pagi ini beliau hadir mesyuarat Kabinet kerana belum meletak jawatan lagi," katanya.

Beliau berkata, antara pemimpin MCA yang datang berjumpa ialah Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek dan tiga naih presidennya, Datuk Chan Kong Choy, Datuk Fong Chan Onn

dan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Antara lain katanya, semua pemimpin terbabit memberi jaminan bahawa mereka tidak pernah mendesak Dr Ling supaya meminta jawatan tamahan dalam Kabinet bagi MCA.

"Mereka berkata mereka tidak pernah meminta apa-apa dan mereka mahukan beliau (Dr Ling) kembali," katanya.

Dr Mahathir juga mengesahkan bahawa MCA juga tidak pernah membuat sebarang tuntutan untuk tamahan jawatan dalam Kabinet, walaupun mereka mencapai kejayaan cemerlang pada pilihan raya umum lalu.

"Mereka faham jika saya mula menamhah jawatan partime mereka, yang lain juga akan meminta dan itu tidak boleh dilakukan," katanya.